

24 MAR 2000

Umno-Mesyuarat

EMPAT BAHAGIAN LAGI CALONKAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Empat bahagian lagi - Pasir Mas, Marang, Kuala Terengganu dan Kuala Kedah - hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Pencalonan hari ini menjadikan Dr Mahathir mendahului senarai calon presiden dengan 83 pencalonan berbanding pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, yang menerima satu pencalonan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dicalonkan bagi jawatan timbalan presiden, hari ini memperolehi tiga lagi pencalonan dari Marang, Kuala Terengganu dan Kuala Kedah, dan menjadikan jumlah pencalonan yang diperolehinya setakat ini ialah 82.

Tengku Razaleigh pula menerima pencalonan Pasir Mas bagi jawatan timbalan presiden.

Selain itu, bahagian Pasir Mas turut mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan naib presiden bersama-sama dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Dengan pencalonan itu, Tengku Razaleigh setakat ini menerima dua pencalonan bagi jawatan timbalan presiden dan tiga bagi jawatan naib presiden.

Bagi jawatan naib presiden, penyandang Datuk Seri Najib Razak terus menambah pencalonan menjadikan 79, Datuk Abu Hassan Omar (35), Datuk Seri Syed Hamid Albar (15), penyandang Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (13) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (10).

Bagi jawatan ketua pergerakan Pemuda Umno, pemangku ketua Datuk Hishammuddin Tun Hussein memperolehi 11 pencalonan menjadikan jumlah pencalonan yang diterima setakat ini ialah 130 manakala pencabar tunggalnya Raja Munir Raja Mustapha mendapat satu pencalonan sahaja.

Hishammuddin memerlukan tiga pencalonan lagi bagi membolehkan beliau menang tanpa bertanding jawatan itu.

Bagi jawatan timbalan ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat 100 pencalonan, Zein Isma Ismail (24), Mustafa Khalid (6) dan

Perebutan jawatan ketua pergerakan Wanita menyaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat 75 pencalonan manakala penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman memperolehi 54 pencalonan.

Bagi jawatan naib ketua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat 76 pencalonan, ketua pergerakan wanita Perak Ainon Khariyah Mohd Abas (37) dan penyandang Datuk Napsiah Omar (16).

SENARAI PENCALONAN PEMILIHAN MT, PEMUDA DAN WANITA UMNO:

Berikut senarai pencalonan bagi pemilihan Majlis Tertinggi, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno:

PENCALONAN JAWATAN TERTINGGI UMNO

Jumlah bahagian 165 Jumlah Pencalonan pada 24 Mac

Presiden:

1. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - 83
2. Tengku Razaleigh Hamzah - 1

Timbalan Presiden:

1. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi - 82
2. Tengku Razaleigh Hamzah - 2

Naib Presiden:

1. Datuk Seri Najib Tun Razak - 79
2. Datuk Abdul Ghani Othman - 46
3. Datuk Seri Abu Hassan Omar - 35
4. Datuk Osu Sukam - 22
5. Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad - 16
6. Datuk Seri Syed Hamid Albar - 15
7. Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib - 13
8. Tan Sri Muhyiddin Yassin - 10
9. Datuk Dr Rais Yatim - 10
10. Tengku Razaleigh Hamzah - 3
11. Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali - 2

Ketua Pemuda:

1. Datuk Hishammuddin Tun Hussein - 130
2. Raja Munir Raja Mustapha (Bahagian Tanjung) - 1

Naib Ketua Pemuda:

1. Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir - 100
2. Zein Isma Ismail - 24
3. Mustapha Khalid - 6
4. Zahidi Zainul Abidin - 1

Ketua Wanita:

1. Datuk Seri Rafidah Aziz - 75
2. Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman - 54

Naib Ketua Wanita:

1. Datuk Shahrizat Abdul Jalil - 76
2. Ainon Khariyah Mohd Abas - 37
3. Datuk Napsiah Omar - 16

-- BERNAMA

ARA NAK